

Inisiatif Sejahtera MADANI raih RM120j sumbangan sektor swasta

BERITA HARIAN 25 JUL 2025

m/s: 3

Kerajaan tunjuk bukti, teruskan komitmen basmi kemiskinan tegar

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Inisiatif Kesejahteraan Rakyat Malaysia MADANI (Sejahtera MADANI) mencatat pencapaian membanggakan, apabila mengumpul hampir RM120 juta hasil sumbangan sektor swasta sebagai komitmen bersama kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyifatkan sambutan itu amat luar biasa, kerana jauh melepasi sasaran awal RM50 juta, sekali gus membuktikan keyakinan tinggi sektor swasta terhadap usaha kerajaan membantu kumpulan rentan melalui program berfokus.

“Melalui inisiatif ini, saya kata kalau mendapat RM50 juta sudah kira baik, kerajaan boleh tambah sedikit tetapi sekarang sambutan itu bukan hanya dua kali (ganda), lebih daripada itu.

“Jadi saya agak sentimental sikit dan minta maaf. Saya pun manusia biasa, kadang-kadang ada juga perasaan walaupun tidak semua orang senang dalam hal ini, tetapi saya percaya dan sudah hampir RM120 juta (sumbangan berjaya dikumpul),” katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Sebanyak 38 syarikat korporat tampil menyumbang dengan sumbangan tertinggi direkodkan



Anwar menyampaikan sumbangan kepada Kio Tek Kiew sambil diperhatikan Ahmad Zahid dan Shamsul Azri (tiga dari kiri) pada majlis Peluncuran Sejahtera MADANI di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

daripada Weststar Group berjumlah RM15 juta, diikuti RM10 juta masing-masing daripada YTL Corporation Bhd; Berjaya Corporation Bhd; MMC Corporation Bhd; Genting Bhd; DRB-Hicom Bhd serta Tradewinds Group (M) Sdn Bhd/Yayasan AlBukhary.

Program Sejahtera MADANI yang diselaras Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) menyatukan

pelbagai bentuk intervensi rentas kementerian, agensi dan sektor korporat, bagi membasmi kemiskinan secara berfokus dan bersepadu.

ia memberi tumpuan dalam empat fokus utama iaitu pendapatan, pendidikan, perumahan dan kebajikan isi rumah miskin dan miskin tegar yang berdaftar dalam Sistem eKasih.

Berpaksikan pendekatan keseluruhan negara atau *whole of na-*

tion approach, inisiatif itu diperkukuhkan elemen tambahan yang memfokuskan kepada program dan bantuan lebih berimpak serta berkelestarian tinggi.

Salur terus sumbangan

Kerajaan menyasar sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi Sejahtera MADANI akan disalurkan terus ke Tabung Kesejahteraan Rakyat di bawah seliaan ICU JPM dengan semua

PM pesan laksana demonstrasi secara aman, tertib

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menitipkan pesanan supaya demonstrasi atau perhimpunan anjuran pembangkang di ibu negara esok, berlangsung secara aman dan tertib.

Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata Perdana Menteri juga sudah mengarahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberikan kerjasama sewajarnya demi memastikan keselamatan awam terpelihara.

Selain itu, katanya, kelancaran perhimpunan ditunjangi PAS itu juga dapat dibantu tanpa sebarang intimidasi atau sekatan tidak wajar khususnya kepada peserta dan penganjurannya.

“Pendirian kerajaan jelas dan konsisten, kita merayakan demokrasi. Hak untuk bersuara, termasuk daripada pihak yang menentang kerajaan adalah satu elemen penting dalam negara yang bebas dan adil. Di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, ruang ini bukan sahaja dibuka luas, malah dihormati.

“Apa jua ketidaksetujuan terhadap kerajaan, termasuk menerusi demonstrasi awam tidak akan disekat secara membuta tuli. Sebaliknya, ia dianggap sebagai sebahagian amalan demokrasi sihat dan matang, selagi tidak melanggar undang-undang dan tidak mengancam keselamatan awam,” katanya dalam taklimat media semalam.

amaun layak mendapat potongan cukai pendapatan.

Sehingga 15 Julai lalu, seramai 306,403 KIR direkodkan di dalam Sistem eKasih di seluruh negara dengan pecahan miskin tegar seramai 1,017 KIR, manakala 305,386 KIR miskin.

Kerajaan komited membantaras miskin tegar serta menyasar 33 peratus penyusutan KIR miskin pada tahun ini.

Anwar menegaskan, sokongan besar sektor swasta membuktikan semangat kerjasama nasional yang kukuh apabila banyak syarikat tampil bukan sekadar menyumbang dana, malah turut mengambil tanggungjawab sosial.

“Ini projek yang baik. Kita nak pacu negara ini sebagai negara yang gagah dan hebat dan negara hebat ini tentunya bermula dari pimpinan yang menjaga tanggungjawab, yang elak daripada ketirisan, salah guna kuasa, rasuah.

“Tetapi ia tidak akan berhasil tanpa kekuatan swasta yang menerobos ke pasaran antarabangsa ke Mesir, Itali, Perancis, Peru dan Brazil. Ini kekuatan sektor swasta, manakala tanggungjawab kami adalah memberi galakan, dorongan dan sokongan sedaya upaya,” katanya.

Perdana Menteri turut mengulangi pendirian Kerajaan MADANI pimpinannya bertekad untuk menoktahkan kemiskinan di negara ini menerusi pelbagai usaha bersama serta pendekatan yang lebih strategik.

“Sasaran saya bersama dengan rakan Jemaah Menteri ialah kalau boleh kita mula menoktahkan kemiskinan tegar iaitu *hardcore poor*.

“Berdasarkan angka-angka tahun 2023 hingga 2024, kita dapat atasi walaupun jumlah itu akan muncul kemudian tetapi jumlahnya jauh rendah daripada dahulu,” katanya.